

Mahathir puji

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Sarawak

kerana cekap

jalan projek

KUCING, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam memuji Kerajaan Sarawak kerana cekap melaksanakan projek-projek pembangunan.

Katanya, tidak terdapat banyak kelewatan atau 'red-tape' di dalam jentera pentadbiran Kerajaan Sarawak.

Ketika berucap di upacara perasmian Restoran Fima Rantei Crookshank di sini, Perdana Menteri menjelaskan beliau berpuas hati dengan prestasi Kerajaan Sarawak melalui agensinya seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak (SEDC), yang berjaya menyiapkan pembinaan restoran itu dalam masa 70 hari.

Kelewatan

"Ini, tambahny, menunjukkan bahawa sebarang kelewatan boleh dielakkan dan "kita boleh menyiapkan kerja dalam jangka masa yang pendek sekiranya kita mahu melakukannya."

Tetapi lazimnya di Malaysia terdapat banyak kelewatan. Kadangkala, projek-projek yang sepa-

tunya boleh disiapkan dalam jangka masa yang pendek mengambil masa dua atau tiga tahun," tegasnya.

Dalam hubungan ini, kata Perdana Menteri, kejayaan Kerajaan Sarawak jelas membuktikan kecekapan jentera pentadbirannya.

"Oleh itu, ia dapat memenuhi ikrar Kerajaan untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Kecekapan ini terbukti melalui kejayaan menyiapkan restoran ini dalam jangka masa yang pendek," katanya.

Mengenai restoran itu, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan penggunaan sistem hak pembahagi tunggal adalah perlu bagi mendapatkan kemahiran pengurusan.

Ini, katanya, akan menguntungkan usahawan tempatan bagi membolehkan mereka memulakan perniagaan restoran dan menguruskannya sendiri.

Perdana Menteri yakin rakyat Sarawak akan dapat menimba pengalaman serta pengetahuan dari pelaksanaan sistem berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berharap sistem itu akan dapat digunakan di seluruh negara.